



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

HUB PENGEDARAN UBAT PERANGSANG SEKS DAN UBAT BERPRESKRIPSI SECARA ONLINE

Sebuah gudang penyimpanan Hub Antarabangsa telah diserbu oleh Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri Selangor dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia kerana telah didapati mengendalikannya ubat-ubatan perangsang seks tidak berdaftar dan ubat-ubatan preskripsi untuk pasaran antarabangsa. Serbuan yang telah dijalankan pada 6 Jun 2014 di stor syarikat yang bertapak di Hub Antarabangsa Kawasan Perdagangan Bebas, KLIA, Sepang, Selangor melibatkan 10 Pegawai Penguatkuasa Farmasi.

Sebanyak **181 jenis ubat**, kebanyakannya terdiri daripada ubat generik bagi rawatan *Erectile Dysfunction* (ED) atau mati pucuk, seperti sildenafil, tadalafil dan juga ubat lain seperti ubat generik untuk darah tinggi, anti kolesterol dan antibiotik telah dirampas dengan nilai anggaran rampasan sebanyak **RM 12.4 juta**.

Pengedaran ubat-ubatan ini didalangi oleh sindiket yang melibatkan syarikat-syarikat yang beroperasi di India, Singapura dan Malaysia. Pesanan oleh pelanggan dibuat secara atas talian dengan domain yang berpusat di London. Ubat-ubatan ini dihantar oleh Pengilang di India melalui pesanan sebuah syarikat di Singapura dan maklumat pelanggan serta alamat hantaran, kebanyakan di Amerika Syarikat dihantar oleh syarikat di India kepada agen di Malaysia melalui emel. Gudang yang diserbu di Malaysia bertindak sebagai hub penyimpanan dan pembungkusan ubat-ubatan sebelum ianya dihantar kepada pelanggan di Amerika Syarikat melalui pos bungkusan yang diikrarkan sebagai 'Health Supplement'.

Sindiket telah beroperasi di Malaysia sejak pertengahan Mac tahun ini dengan bilangan bungkusan yang dihantar melebihi 1000 bungkusan sehari. **Syarikat yang beroperasi di Malaysia** menyediakan pekerja yang telah dilatih untuk memberikan perkhidmatan menyemak emel, memilih, melabel ubat dan membuat tugas-tugas pembungkusan dan penghantaran.

Ubat-ubatan yang rampas juga didapati bukan sahaja melanggar Akta Racun 1952, Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, tetapi juga melanggar **Akta Hak Cipta 1987** kerana beberapa ubat-ubatan untuk rawatan mati pucuk masih berpaten. Siasatan lanjut akan dijalankan dan orang perseorangan dan syarikat yang didapati bersalah akan dituduh di mahkamah.



Datuk Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia